

BAB

2

CABARAN DAN HARAPAN DALAM PEMBANGUNAN KOMUNITI

Zakiah Mohamad Ashari dan Siti Halimah Zakaria

2.1 PEMAHAMAN TERHADAP PEMBANGUNAN KOMUNITI

Bab pertama telah membincangkan secara terperinci tentang maksud autisme serta cabaran yang dihadapi oleh ibu bapa, guru, dan masyarakat dalam dunia anak-anak istimewa ini. Oleh itu, sangat penting pembangunan komuniti yang inklusif iaitu sebuah komuniti yang menerima keunikan individu dengan autisme dan menyokong mereka sepenuhnya. Namun, pemahaman semata-mata hanyalah langkah awal. Langkah seterusnya yang lebih mencabar namun amat penting ialah menterjemahkan kefahaman tersebut kepada tindakan. Dalam bab ini akan meneliti bagaimana pemahaman yang mendalam tentang autisme perlu disusuli dengan langkah konkrit agar setiap individu dalam spektrum autisme dapat hidup dalam persekitaran yang menyokong serta masyarakat yang berempati.

Bagi ibu bapa, pemahaman tentang autisme ibarat cahaya suluhan di jalan yang gelap. Sebelum memperoleh ilmu yang mencukupi, ramai ibu bapa mungkin tertanya-tanya mengapa anak mereka “berbeza” daripada yang lain. Ada juga ibu bapa yang berasa terkejut, sedih, atau menyalahkan diri sendiri apabila menerima diagnosis autisme terhadap anak mereka. Namun, apabila mereka mula memahami bahawa autisme bukanlah salah

sesiapa, perasaan bersalah itu perlahan-lahan bertukar menjadi penerimaan serta tekad untuk membantu anak sebaik mungkin.

Hal ini dapat dilihat melalui pengalaman seorang ibu, Puan Aina (bukan nama sebenar). Pada mulanya berasa buntu dan terasing apabila anak sulungnya didiagnosis autisme. Keluarganya menerima cemuan halus daripada sesetengah kenalan, bahkan ada yang melabel anaknya “nakal” kerana tidak pandai bergaul dan kerap mengalami tantrum di tempat awam. Akibat stigma dan kurangnya pemahaman masyarakat sekeliling, Puan Aina hampir mengasingkan diri, enggan membawa anaknya ke taman permainan, atau menghadiri majlis keluarga. Kefahaman tentang autisme telah mengubah situasi ini kerana setelah menghadiri sesi latihan keibubapaan dan membaca kisah pengalaman ibu bapa lain, beliau sedar bahawa anaknya bukan nakal, tetapi mengalami kesukaran mengurus rangsangan deria dan perubahan rutin. Dengan pengetahuan baharu ini, beliau mula mempraktikkan teknik integrasi sensori di rumah dan membuat jadual harian bergambar untuk anaknya. Langkah kecil ini membawa perubahan besar di mana anaknya lebih tenang, dan Puan Aina sendiri berasa lebih yakin.

Kajian menunjukkan bahawa program latihan ibu bapa dapat meningkatkan kefahaman serta kemahiran mereka dalam menyokong anak dengan autisme. Sebaliknya, tanpa pengetahuan sebegini, ibu bapa bukan sahaja mudah berasa tertekan, malah berisiko mengalami kemurungan akibat tekanan berterusan.

Bagi seorang guru pula, pemahaman mendalam tentang autisme merupakan aset paling berharga dalam bilik darjah inklusif. Tanpa ilmu yang mencukupi, seorang guru mungkin tersalah anggap tingkah laku murid dengan autisme sebagai masalah disiplin semata-mata. Contohnya, Cikgu Faridah, seorang guru sekolah rendah, pernah berhadapan dengan seorang murid lelaki yang enggan memandangkan mata dan kerap melarikan diri daripada aktiviti berkumpulan. Pada awalnya, beliau menyangka murid ini sengaja mengelak tugas dan bersikap “malas”. Namun, setelah mengikuti kursus pendek tentang pendidikan murid dengan autisme, beliau mendapat kefahaman baharu bahawa murid tersebut sebenarnya menghadapi masalah sensori dan

komunikasi tersendiri, bukan memberontak tanpa sebab. Dengan ilmu itu, beliau mengubah pendekatan dengan memecahkan arahan kepada langkah lebih kecil, memperkenalkan penggunaan kad bergambar, serta menyediakan sudut senyap di dalam kelas. Hasilnya, murid tadi mula menunjukkan peningkatan dalam tumpuan dan interaksi. Pendekatan seperti pelan pendidikan individu (IEP) dan struktur pengajaran yang jelas terbukti berkesan meningkatkan pencapaian akademik dan sosial murid dengan autisme.

Kefahaman guru secara langsung mempengaruhi keberhasilan pembelajaran kerana guru yang arif tentang autisme akan lebih sabar, kreatif, dan bersedia menyesuaikan cara mengajar mengikut keperluan murid. Tanpa kefahaman, guru boleh berasa hilang arah lalu cepat putus asa. Malah, ada kes guru yang, kerana kurang pengetahuan, menggunakan pendekatan disiplin biasa yang tidak sesuai hingga murid dengan autisme berasa tersisih dan hilang motivasi untuk belajar. Implikasinya bukan kecil, guru yang tertekan boleh mengalami keletihan melampau (*burnout*), manakala murid dengan autisme tersebut pula keciciran potensi. Justeru, melengkapi guru dengan ilmu autisme adalah satu bentuk tindakan proaktif yang melahirkan suasana pembelajaran lebih inklusif dan efektif.

Dalam konteks yang lebih luas, masyarakat umum termasuk jiran tetangga, rakan sekerja, sanak saudara, dan sesiapa sahaja turut memainkan peranan penting apabila membincangkan tentang pemahaman autisme. Sokongan komuniti bermula dengan empati, dan empati lahir daripada kefahaman. Apabila masyarakat menyedari bahawa kanak-kanak yang menutup telinga di tempat bising bukanlah “mengada-ngada”, atau remaja yang mengelak kontak mata bukannya sombong, mereka akan lebih bertolak ansur. Sebaliknya, tanpa pengetahuan, mudah timbul salah faham: Perilaku unik anak dengan autisme dilabel sebagai “ganjil”, keluarga mereka dipandang serong, dan akhirnya wujud jurang antara komuniti dan individu dengan autisme. Stigma dan stereotaip sering berakar daripada kurangnya kefahaman. Terdapat bukti bahawa stereotaip negatif dan kejadian buli